

22 JAN 1998

Wanita-Dana

DANA PELABURAN IHSAN WANITA DITUBUH

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Satu dana bagi menggalakkan wanita di negara ini menabung bagi membantu memulihkan ekonomi negara akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Feb ini.

Wang yang terkumpul dalam dana yang belum dinamakan itu kemudiannya akan digunakan bagi pelbagai tujuan termasuk pelaburan dan projek usahasama dan projek sosial yang khusus untuk kepentingan wanita.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata dana berkenaan akan dikendalikan oleh pengurus dana bertauliah yang akan memutuskan jenis pelaburan dan bentuk usahasama yang akan dijalankan dengan menggunakan wang yang terkumpul itu.

Semasa bercakap pada persidangan media hari ini, beliau berkata jumlah minimum simpanan ditetapkan pada RM100 seorang manakala tiada had ditentukan bagi simpanan maksimum.

"Yang pasti, segala simpanan itu akan memberi pulangan yang lumayan kepada para penyimpan dan pelabur dan ini termasuklah perlindungan Takaful dan khairat kematian serta pemberian biasiawa atau modal permulaan perniagaan kepada mereka yang layak," katanya.

Dana itu juga terbuka kepada semua orang, lelaki dan wanita, yang berumur 18 tahun ke atas, kata beliau.

Menurut Siti Zaharah kajian oleh pemegang dana mendapati bahawa wanita di negara ini memiliki sumber kewangan yang tidak digunakan sepenuhnya.

Katanya, peringkat kedua dana itu membabitkan pelaburan wang simpanan ke dalam pasaran saham menerusi syarikat dana profesional yang masih belum diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Menurutnya kutipan peringkat pertama akan dibuat semasa perasmian oleh Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra dan diikuti kemudiannya pada peringkat negeri.

Beliau berkata Wanita Barisan Nasional akan menggerakkan jentera masing-masing di peringkat negeri bagi memberi penerangan mengenai dana tersebut kepada kira-kira tiga juta anggota Wanita BN yang berdaftar di negara ini.

Katanya dana itu akan diteruskan walaupun selepas keadaan ekonomi negara kembali pulih.

Mereka yang inginkan keterangan lanjut boleh menghubungi pejabat pergerakan wanita Umno melalui talian 442-7730 atau pejabat wanita MCA talian 261-8044 atau menerusi talian Wanita MIC 442-4377.

Sebelum itu Siti Zaharah, Ketua Pengerakan Wanita MCA Datuk Teng Gaik Kwan serta Ketua Wanita MIC Puan Sri Sarasa telah mengadakan majlis taklimat dengan wakil-wakil perkumpulan wanita dan badan bukan kerajaan mengenai program berkenaan. -- BERNAMA

RA NMO